

BAB VI

PENUTUP

6.0. Pendahuluan.

Setelah dilakukan penyelidikan terhadap manuskrip *MawÉ‘iÐ al-BadÉ’*, salah satu dari dua karya al-Singkili dalam bidang Hadith. Maka pada bahagian penutup ini akan cuba didedahkan beberapa dapatan kajian. Selain beberapa pengamatan yang boleh dijadikan satu rujukan untuk melakukan kajian-kajian lain dalam aspek yang berbeza. Maka pada bahagian ini dibahagikan atas dua bahagian utama iaitu, kesimpulan dan saranan-saranan.

6.1. Kesimpulan.

Melakukan kajian atas karya ulama lampau adalah memerlukan satu usaha yang sangat berterusan. Ianya memerlukan kesungguhan dan ketelitian pengkajinya. Sehingga mampu menghasilkan satu dapatan yang dapat memberi manfaat untuk pengkaji khasnya dan pembaca ‘amnya. Beberapa hasil kajian terhadap Al-Singkili, juga teks *MawÉ‘iÐ al-BadÉ’* dapat disimpulkan kepada beberapa kesimpulan sebagaimana berikut;

6.1.1. Al-Singkili adalah ulama yang prolific dan menguasai berbagai-bagai disiplin ilmu keislaman dan telah memberikan sumbangan dalam bidang Hadith.

Hal ini terbukti dari kemampuan Al-Singkili dalam menyelesaikan isu politik dan keagamaan yang timbul pada abad ke XVII. Iaitu isu raja dari kaum perempuan dan isu doktrin wujudiyah. Selain itu Al-Singkili juga telah menyusun berbagai karya dalam berbagai-bagai ilmu keislaman seperti tasawwuf, fiqh, tafsir dan Hadith.

Manakala sumbangannya dalam bidang Hadith adalah nampak dari dua aspek. Iaitu pertama, pandangannya terhadap Hadith. Dalam hal ini Al-Singkili selalu mengambil kira Hadith sebagai landasan atas setiap pendapat-pendapatnya dan juga ajaran-ajarannya. Bahkan Al-Singkili dalam satu karyanya menyatakan secara langsung tentang pentingnya Hadith sebagai satu sumber ilmu yang akan membawa kepada jalan yang lurus. Kedua, penyusunan karya Hadith. Dalam hal ini Al-Singkili telah menyusun dua karya Hadith iaitu *Sharí LatÊf 'AlÉ 'Arba'Éna HadÊthan lÊ Al-ImÉm Al-NawÉwÊ* dan *MawÉ'iD Al-BadÊ*.

Karya Hadithnya yang pertama adalah terjemahan dari karya Sa'duddin Al-Taftazani. Karya ini ditulis dalam bahasa Melayu atas permintaan Sultanah Zakiatuddin. Manakala kandungannya adalah mengenai ajaran tauhid dan tasawwuf. Karya Hadithnya yang kedua adalah ajaran yang bersifat amalan moral akhlak yang sepatutnya dilakukan oleh umat Islam. Selain juga motivasi untuk berbuat baik dan meninggalkan perbuatan buruk. Yang dicatatkan dengan gaya bahasa janji dan ancaman *al-wa'd wa al-wa'Éd*. Dengan tujuan utamanya adalah melembutkan hati mereka yang membacanya. Adapun majoriti ajarannya diambil dari perkataan Allah yang berbentuk Hadith Qudsi dan juga ayat al-Qur'an di samping juga beberapa Hadith-Hadith Rasulullah.

6.1.2. Hakikat Teks *MawÉ'iD Al-BadÉ'* adalah karya Hadith Al-Singkili yang mengandung ajaran moral dan mistik Islam.

Kesimpulan tersebut di atas adalah sebuah analisis sejarah yang telah ditelusuri dari beberapa mansukrip yang boleh dikesan. Manakala teks karya ini diidentifikasi memiliki 24 salinan yang terdapat di beberapa pusat studi Asia Tenggara di Asia dan Eropah. Dengan banyaknya salinan tersebut menunjukkan betapa karya ini sangat berharga pada masa itu. Manakala tentang internal teks dijumpai bahawa teks karya *MawÉ'iD Al-BadÉ'* terbahagi menjadi dua bahagian. Bahagian pertama adalah tertulis dengan menggunakan bahasa Arab yang selanjutnya diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Namun pada bahagian kedua hanya dituliskan dengan menggunakan bahasa Melayu sahaja tanpa bahasa Arab. Kecuali pada beberapa tulisan tentang ayat al-Qur'an dan al-Hadith.

Dari banyaknya salinan teks karya *MawÉ'iD Al-BadÉ'*, ditambah lagi kewujudan teks bercetak serta beberapa ulasan yang telah dilakukan oleh beberapa ahli sejarah. Nampak bahawa karya *MawÉ'iD Al-BadÉ'* ini adalah buah karya Al-Singkili. Terbukti dari beberapa teks bercetak yang menyatakan dengan tegas bahawa karya ini adalah karya Al-Singkili. Pernyataan tersebut kemudian dikekalkan oleh para pengkaji sejarah Asia Tenggara. Manakala dilakukan *cross reference* dengan beberapa karya Al-Singkili lainnya. Lebih khusus *TanbÉh al-MÉshÉ'* - Suatu karya yang menunjukkan pemikiran Al-Singkili - dijumpai bahawa ide-ide dalam karya *MawÉ'iD Al-BadÉ'* adalah memiliki kemiripan dengan ide yang terdapat pada karya *TanbÉh al-MÉshÉ'*. Seperti dalam upaya mengkompromikan antara akidah, syari'ah dan hakikat. Al-Singkili dalam hal ini sangat menekankan pelaksanaan ritual-ritual yang telah dijelaskan oleh shari'at untuk sampai kepada ketenangan batin (hakikat). Selain juga penekanan

pada aspek pemahaman aqidah yang tepat. Upaya pengajaran semacam ini adalah juga dijumpai pada karya *Tanbêh al-Mêshê*.

Adapun isi kandungan karya *MawÉ'iD Al-BadÊ'* ini adalah pengajaran yang diambil dari perkataan Allah, Rasulullah, Sahabat, Wali Allah dan Hukama' serta ulama'. Manakala perkataan Allah dijumpai yang berbentuk Hadith qudsi sebanyak 61 perkataan dan yang berbentuk ayat Al-Qur'an sebanyak 29 perkataan. Adapun jumlah perkataan Rasulullah adalah sebanyak 16 perkataan. Sahabat 6 perkataan, wali Allah satu perkataan, hukama' 12 perkataan dan ulama' 7 perkataan. Adapun beberapa Hadith dijumpai terdapat pada beberapa karya utama pengajian Hadith.

6.1.3. Metode Penyusunan karya *MawÉ'iD Al-BadÊ'* adalah mengikut penulisan karya *al-TarghÊb wa al-TarhÊb* dan penulisan Hadithnya adalah memiliki gaya penulisan yang berbeda dengan karya-karya Hadith ulama' Nusantara ataupun ulama' Timur Tengah.

Kesimpulan di atas menunjukkan bahawa sitematika penyusunan karya *MawÉ'iD Al-BadÊ'* ini, dimulakan dengan pembukaan dan diakhiri dengan kalimat penutup. Manakala penyusunan bab *tabwÊb* dijumpai karya *MawÉ'iD Al-BadÊ'* membahagikannya kepada bab-bab kecil yang diberi tajuk pengajaran. Dituliskan urutan tiap pengajaran dengan angka untuk membezakan antara satu pengajaran dengan pengajaran lainnya. Meskipun dengan tanpa memberikan tajuk khas. Keseluruhan pengajaran dalam karya *MawÉ'iD Al-BadÊ'* adalah berjumlah 50 pengajaran.

Penyusunan semacam ini adalah memiliki kemiripan dengan karya ulama Nusantara yang bertajuk *HidÉyah Al-HabÊb fÊ al-TarghÊb wa al-TarhÊb* yang disusun oleh Nuruddin Al-Raniri. Kemiripan tersebut nampak pada metode *tabwib* yang disusun

mengikut bab sahaja. Meskipun karya Nuruddin menyatakan tajuk tertentu dalam setiap babnya. Namun manakala dibandingkan dengan karya terbaik dalam *al-targhib wa al-Tarhib* oleh Al-Mundhiri sememangnya terdapat perbezaan yang signifikan. Kerana Al-Mundhiri metode *tabwÊbnya* adalah disusun mengikut susunan kitab kemudian bab dan fasal.

Manakala aspek internal (matan hadithnya) dijumpai terdapat dua kecenderungan dalam penulisannya. Iaitu pada teks bahagian pertama matan Hadith ditulis dengan menggunakan bahasa Arab. Namun periwayatan tersebut tidaklah berdasarkan lafaz yang tepat. Akan tetapi dijumpai riwayat yang berbeza lafaznya namun memiliki makna yang sama. Kecuali beberapa Hadith pada teks bahagian kedua dijumpai matan Hadith diriwayatkan sesuai dengan lafaznya. Manakala penjelasan tentang sanad dan status Hadith baik pada teks bahagian pertama ataupun kedua sememangnya tidak dijumpai sama sekali.

Dibandingkan dengan karya ulama Nusantara iaitu karya *HidÊyah Al-HabÊb fÊ al-TarghÊb wa al-TarhÊb* ianya memiliki kesamaan dalam penulisan matan, iaitu ditulis dalam bahasa Arab yang kemudian dilanjutkan dengan penulisan terjemahannya. Selain itu juga tidak menuliskan sanad Hadithnya. Namun demikian karya Nuruddin Al-Raniri lebih unggul kerana menyatakan status 10 Hadith dalam karyanya dan juga sumber rujukannya. Apatah lagi jika dibandingkan dengan karya terbaik dalam *targhÊb wa al-tarhÊb*, iaitu karya Al-Mundhiri sememangnya sangat berbeza. Kerana Al-Mundhiri menghuraikan dengan jelas keterangan-keterangan Hadith dalam karyanya. Baik dengan meletakkan simbol dan status atau bahkan menjelaskan hukum dan maksud dari kalimat-kalimat *gharÊbah*. Meskipun pada aspek sanad Al-Mundhiri memotongnya hingga peringkat sahabat.

6.1.4. Manuskrip kod. MSS 3565 Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia adalah teks terbaik dari antara manuskrip yang dikesan.

Kesimpulan di atas adalah hasil dari satu kajian perbandingan. Kajian telah dilakukan dalam rangka menentukan naskhah induk yang akan digunapakai untuk dasar edisi. Kajian dilakukan dengan melakukan perbandingan pada aspek eksternal dan internal. Manakala aspek eksternal penilaian dilakukan menerusi keadaan fizikal naskhah, baik keadaan kertas dan kelengkapan struktur teksnya. Sedangkan aspek internal penilaian dilakukan menerusi tulisan dan bahasa yang terbaik. Yang dilihat dari ablepsi, ditografi, heplografi, lakuna dan perbezaan bacaan dan ejaan.

Ketidaklengkapan struktur teks dan rosaknya kertas telah pun banyak dijumpai pada majoriti naskhah *MawÉ'iÐ Al-BadÉ'*. Berdasarkan kelengkapan struktur teks dijumpai bahawa hanya 10 naskhah sahaja yang lengkap. Sedangkan mengenai keadaan fizikal naskhah, dijumpai satu naskhah yang tidak boleh dijadikan sebagai pembandingan, iaitu ML 323 koleksi PNRI. Naskhah ini telah mengalami kerosakan yang teruk. Adapun naskhah tertua berdasarkan pada tulisan yang tercatat pada manuskrip adalah tahun 1220 H.

Setelah dilakukan kritik teks terhadap keseluruhan naskhah. Maka dijumpai bahawa beberapa naskhah memiliki tulisan dan bahasa yang baik. Manakala beberapa naskhah lainnya terdapat beberapa penyimpangan. Apabila dilihat dari dua aspek tersebut – struktur teks dan kritik teks – maka naskhah MSS. 3565 koleksi Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), dianggap sebagai naskhah yang lengkap dan memiliki tulisan yang jelas serta bahasa yang baik, meskipun memiliki umur yang lebih muda satu tahun dari naskhah tertua.

6.2. Saranan-Saranan

Selama penyelidikan yang dilakukan mengguna dan mengenal lebih mendalam tentang karya *MawÉ'iÐ al-BadÊ'* ini, sememangnya belum melakukan penyelidikan yang mendalam pada beberapa aspek. Baik dalam bidang hadith ataupun tasawwuf. Semoga pengkaji kemudian dapat melengkapi beberapa aspek tersebut. Adapun beberapa kekurangan tersebut adalah sebagaimana berikut;

6.3.1. Penyelidikan terhadap status darjah Hadith dalam karya *MawÉ'iÐ Al-BadÊ'*.

Mengetahui status darjah Hadith dengan teori takhrij Hadith yang tepat tentu sangat perlu untuk dilakukan. Mengingat ajaran dalam karya *MawÉ'iÐ Al-BadÊ'* yang bersifat amaliah. Sehingga mengetahui kebenaran amalan dengan mengetahui kedudukan Hadith yang dijadikan hujah tentu sangat penting. Sehingga hilang keraguan dalam melakukan setiap pengajaran tersebut. Oleh sebab itu penyelidikan yang difokuskan pada aspek analisis kritik Hadith dengan teori takhrij Hadith masih sangat relevan untuk dilakukan pada karya *MawÉ'iÐ Al-BadÊ'* ini.

6.3.2. Penyelidikan atas metode *tazkiah al-nafs* dalam karya *MawÉ'iÐ Al-BadÊ'*.

Sebagaimana disebutkan dalam bahagian muqadimah karya *MawÉ'iÐ Al-BadÊ'* adalah bahawa dengan membaca karya ini akan menjadi seorang yang lembut hati. Upaya melembutkan hati dalam tradisi tasawwuf biasa disebut dengan *tazkiyah al-nafs*. Dalam mencapai kesucian jiwa, beberapa langkah telah dirumuskan oleh para ulama' tasawwuf. Meskipun antara satu ulama' dengan ulama' lainnya memiliki metode yang

berbeza. Maka demikian al-Singkili dalam karya *MawÉ'iD Al-BadÊ'* ini juga memiliki metode dan cara yang berbeza dengan ulama' lainnya. Oleh sebab itu mengkaji lebih mendalam mengenai aspek metode *tazkiyah al-Nafs* al-Singkili dalam karya *MawÉ'iD Al-BadÊ'* ini tentu sangat relevan. Yang boleh jadi metode tersebut boleh diaplikasikan dan dicontohi oleh ulama'-ulama' masa sekarang.